KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	3/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	-			



TASIK Cermin antara tarikan orang ramai di Ipoh. – GAMBAR HIASAN

Tasik Cermin bakal dibuka semula

Kosmo 3.1.2021_16

IPOH – Lokasi rekreasi popular, Tasik Cermin yang terletak dekat Gunung Rapat, di sini bakal dibuka semula kepada orang awam bermula 15 Januari ini setelah ditutup sementara kepada pengunjung.

Sebelum ini kawasan itu ditutup gara-gara seorang pengunjung lelaki terjun ke dalam tasik pada Disember lalu.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, setelah membuat siasatan terhadap kejadian itu pihaknya berpuas hati dengan keputusan yang diterima.

Menurut beliau, tindakan yang dilakukan oleh lelaki terbabit seharusnya tidak dilakukan kerana Tasik Cermin bukan taman rekreasi untuk mandi-manda.

"Tasik Cermin hanyalah sebuah kawasan rekreasi untuk merehatkan minda dan menikmati keindahan alam semulajadi.

"Saya harap kejadian seumpama itu tidak akan berulang lagi pada masa hadapan," ujarnya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, seorang lelaki terjun ke dalam Tasik Cermin setelah video perbuatan itu dirakam oleh seorang pengujung dan tular sehingga mendapat kecaman netizen.